



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 10 Mac 2023 (Jumaat) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p><b>Kerajaan Belum Rancang Adakan Skim Pencen Untuk Warga Emas</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1074595/kerajaan-belum-rancang-adakan-skim-pencen-untuk-warga-emas">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1074595/kerajaan-belum-rancang-adakan-skim-pencen-untuk-warga-emas</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=7xQeCxLfRjw">https://www.youtube.com/watch?v=7xQeCxLfRjw</a></p> <p><a href="https://harakahdaily.net/index.php/2023/03/09/kerajaan-beri-bantuan-bukan-pencen-warga-emas/">https://harakahdaily.net/index.php/2023/03/09/kerajaan-beri-bantuan-bukan-pencen-warga-emas/</a></p> <p><a href="https://tvstv.my/2023/03/09/parlimen-kpwkm-belum-cadang-wujudkan-skim-pencen-untuk-warga-emas/">https://tvstv.my/2023/03/09/parlimen-kpwkm-belum-cadang-wujudkan-skim-pencen-untuk-warga-emas/</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=0tDckFVlRp4">https://www.youtube.com/watch?v=0tDckFVlRp4</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Harakah Daily</p> <p>TVSTV</p> <p>Berita Harian Online</p>	Neutral

	<p><a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2023/03/887481/govt-has-no-plans-senior-citizen-pension-scheme">https://www.nst.com.my/news/nation/2023/03/887481/govt-has-no-plans-senior-citizen-pension-scheme</a></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/58929-skim-pencen">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/58929-skim-pencen</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=FXCnqsP1NwM">https://www.youtube.com/watch?v=FXCnqsP1NwM</a></p>	<p>NST</p> <p>Berita RTM</p> <p>Media Komunikasi Nasional</p>	
2	<p><b>Nancy Shukri: Ministry Targets More Senior Citizen Centres To Be Established Nationwide</b></p> <p><a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/03/09/nancy-shukri-ministry-targets-more-senior-citizen-centres-to-be-established-nationwide/58809">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/03/09/nancy-shukri-ministry-targets-more-senior-citizen-centres-to-be-established-nationwide/58809</a></p> <p><a href="https://www.thevibes.com/articles/news/87398/govt-looks-to-set-up-more-senior-citizen-centres-nationwide-nancy">https://www.thevibes.com/articles/news/87398/govt-looks-to-set-up-more-senior-citizen-centres-nationwide-nancy</a></p> <p><a href="https://headtopics.com/my/nancy-shukri-ministry-targets-more-senior-citizen-centres-to-be-established-nationwide-36412164">https://headtopics.com/my/nancy-shukri-ministry-targets-more-senior-citizen-centres-to-be-established-nationwide-36412164</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2171748">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2171748</a></p> <p><a href="https://luminews.my/news/1156456">https://luminews.my/news/1156456</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1074745/kpwkm-sasar-lebih-banyak-pawe-ditubuhkan-di-seluruh-negara">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1074745/kpwkm-sasar-lebih-banyak-pawe-ditubuhkan-di-seluruh-negara</a></p> <p><a href="https://newsway.com/article/nancy-shukri-ministry-targets-more-senior-citizen-centres-to-be-established-A2303_VHReUI">https://newsway.com/article/nancy-shukri-ministry-targets-more-senior-citizen-centres-to-be-established-A2303_VHReUI</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/09/kpwkm-sasar-lebih-banyak-pawe-ditubuhkan-di-seluruh-negara">https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/09/kpwkm-sasar-lebih-banyak-pawe-ditubuhkan-di-seluruh-negara</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/943980/lebih-banyak-pusat-aktiviti-warga-emas-akan-ditubuhkan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/943980/lebih-banyak-pusat-aktiviti-warga-emas-akan-ditubuhkan</a></p>	<p>Malay Mail</p> <p>The Vibes</p> <p>Head Topics</p> <p>Bernama</p> <p>Luminews</p> <p>Berita Harian</p> <p>Newsway</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral

	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/harga-tambang-penerbangan-skim-pencen-warga-emas-antara-tumpuan-dewan-rakyat-hari-ini/">https://www.buletintv3.my/nasional/harga-tambang-penerbangan-skim-pencen-warga-emas-antara-tumpuan-dewan-rakyat-hari-ini/</a>	Buletin TV3	
3	<p>Enforcement Of Sexual Harassment Law To Begin This Year, Says Nancy</p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/03/09/enforcement-of-sexual-harassment-law-to-begin-this-year-says-nancy/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/03/09/enforcement-of-sexual-harassment-law-to-begin-this-year-says-nancy/</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/09/akta-antigangguan-seksual-dikuatkuasa-tahun-ini-kata-nancy/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/09/akta-antigangguan-seksual-dikuatkuasa-tahun-ini-kata-nancy/</a></p>	<p>FMT</p> <p>FMT</p>	Neutral
4	<p>Kerajaan Kaji Penggubalan Akta Warga Emas</p> <p><a href="https://sumberkini.my/kerajaan-kaji-penggubalan-akta-warga-emas/">https://sumberkini.my/kerajaan-kaji-penggubalan-akta-warga-emas/</a></p>	Sumber Kini	Neutral
5	<p>Tiga Beradik Maut Dalam Nahas Di Lahad Datu</p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiga-beradik-maut-dalam-nahas-di-lahad-datu-409920">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiga-beradik-maut-dalam-nahas-di-lahad-datu-409920</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2023/03/943771/3-beradik-maut-nahas-3-kenderaan">https://www.hmetro.com.my/utama/2023/03/943771/3-beradik-maut-nahas-3-kenderaan</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/03/1074393/3-beradik-termasuk-budak-4-tahun-maut-nahas-tiga-kenderaan">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/03/1074393/3-beradik-termasuk-budak-4-tahun-maut-nahas-tiga-kenderaan</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/03/09/tiga-beradik-maut-kemalangan-babit-tiga-kenderaan/">https://www.kosmo.com.my/2023/03/09/tiga-beradik-maut-kemalangan-babit-tiga-kenderaan/</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/09/tiga-beradik-maut-kemalangan">https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/09/tiga-beradik-maut-kemalangan</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/3-beradik-termasuk-budak-4-tahun-maut-kemalangan/">https://www.buletintv3.my/nasional/3-beradik-termasuk-budak-4-tahun-maut-kemalangan/</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/248867/podcast/berita-sinar-harian/tiga-beradik-maut-dalam-nahas-di-lahad-datu">https://www.sinarharian.com.my/article/248867/podcast/berita-sinar-harian/tiga-beradik-maut-dalam-nahas-di-lahad-datu</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=A329wHcLQr0">https://www.youtube.com/watch?v=A329wHcLQr0</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral

	<a href="https://www.edisi9.com.my/2023/03/tiga-beradik-maut-dalam-nahas-tiga-kenderaan/">https://www.edisi9.com.my/2023/03/tiga-beradik-maut-dalam-nahas-tiga-kenderaan/</a>	Edisi 9	
6	<b>Pelindung JKM Kendali Kanak-Kanak Dibuang</b> <a href="https://harakahdaily.net/index.php/2023/03/09/pelindung-g-jkm-kendali-kanak-kanak-dibuang/">https://harakahdaily.net/index.php/2023/03/09/pelindung-g-jkm-kendali-kanak-kanak-dibuang/</a>	Harakah Daily	Neutral
7	<b>Kewujudan Anti Pornografi Kanak-Kanak   Mhi (9 Mac 2023)</b> <a href="https://www.youtube.com/watch?v=aM3Dp00GA0A">https://www.youtube.com/watch?v=aM3Dp00GA0A</a>	TV3 Malaysia	Neutral
8	<b>Lindungi Wanita Teraniaya, Mangsa Keganasan</b> <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/248977/suara-sinar/lidah-pengarang/lindungi-wanita-teraniaya-mangsa-keganasan">https://www.sinarharian.com.my/article/248977/suara-sinar/lidah-pengarang/lindungi-wanita-teraniaya-mangsa-keganasan</a>	Sinar Harian	Neutral

## KERAJAAN BELUM RANCANG ADAKAN SKIM PENCEN UNTUK WARGA EMAS

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1074595/kerajaan-belum-rancang-adakan-skim-pencen-untuk-warga-emas>

Sumber : Berita Harian



KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) belum bercadang untuk melaksanakan skim pencen bagi warga emas berumur 65 tahun ke atas yang tidak menerima pencen kerajaan atau pencen Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Menteri berkenaan Datuk Seri Nancy Shukri berkata ketika ini, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menawarkan perkhidmatan sosial berbentuk bantuan kebajikan dan kewangan seperti Bantuan Warga Emas (BWE) berjumlah RM500 sebulan.

"Bantuan lain termasuk penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), perkhidmatan penjagaan warga emas di institusi seperti Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ihsan serta program yang menggalakkan penuaan produktif melalui penyediaan ruang dan peluang kepada warga emas untuk melibatkan diri dalam sektor ekonomi walaupun dalam skala kecil," katanya dalam sesi soal jawab di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan William Leong Jee Keen (PH-Selayang) sama ada kerajaan bercadang melaksanakan skim pencen warga emas untuk rakyat berumur 65 tahun ke atas yang tidak menerima pencen kerajaan ataupun pencen Perkeso. – BERNAMA

## **NANCY SHUKRI: MINISTRY TARGETS MORE SENIOR CITIZEN CENTRES TO BE ESTABLISHED NATIONWIDE**

<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/03/09/nancy-shukri-ministry-targets-more-senior-citizen-centres-to-be-established-nationwide/58809>

**Sumber : Malay Mail**



KUALA LUMPUR, March 9 — The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) aims to set up more senior citizen activity centres (PAWE) in parliamentary constituencies which do not have one yet.

Its Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the move was to enable more senior citizens across the country to have access to facilities to carry out activities or programmes at the community level, thus ensuring that the group remains active and productive.

“Currently, there are 161 PAWE in 146 parliamentary constituencies across the country, which are used by more than 52,000 senior citizens.

“Approval of the establishment of a PAWE is based on five main criteria, namely location, elderly population, driving community, premises and the support of the Social Welfare Department (JKM) in the district and state,” she said, when winding up the debate on the Supply Bill 2023 in the Dewan Rakyat today.

Meanwhile, Nancy said that KPWKM is of the view that the role played by the National Senior Citizens Advisory and Consultative Council (MPPWEN) is sufficient thus far.

She said that MPPWEN, which was established under the National Policy for Older Persons (DWEN) and the Action Plan for Older Persons (PTWEN), comprised representatives of relevant ministries, private parties, non-governmental organisations (NGOs), geriatric experts and academics who specialise in the senior citizen field.

“The implementation of DWEN and PTWEN is a regular agenda item in council (MPPWEN) meetings, held twice a year and chaired by myself as the minister responsible for welfare affairs.

“DWEN and PTWEN are a strong government commitment to create independent, dignified and respected senior citizens, by optimising their potential through healthy, positive, active, productive and supportive ageing,” she said. — Bernama

## **ENFORCEMENT OF SEXUAL HARASSMENT LAW TO BEGIN THIS YEAR, SAYS NANCY**

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/03/09/enforcement-of-sexual-harassment-law-to-begin-this-year-says-nancy/>

**Sumber : Free Malaysia Today**



KUALA LUMPUR: The Anti-Sexual Harassment Act 2022 will be enforced in stages this year, says women, family and community development minister Nancy Shukri.

The much-awaited law was gazetted on Oct 18 last year.

Stay up-to-date by following FMT's Telegram channel

[FMT](#)

“The ministry is of the view that it is important for the public to have increased awareness about the seriousness of sexual harassment before this Act is fully enforced,” said Nancy in the Dewan Rakyat.

“Therefore the enforcement of Act 840 will be done in stages, which involves defining sexual harassment, conducting educational awareness (programmes), and (helping) the public understand the law.”

Last August, then women, family and community development minister Rina Harun said the Act’s enforcement would start with advocacy programmes to provide the public with awareness, education and understanding about the law.

Meanwhile, Nancy said her ministry was in the final stage of drafting the Social Work Profession Bill.

“If all goes smoothly, the ministry will present the draft to the Attorney-General’s Chambers (AGC) for their review this year.”

The bill was mooted by the Pakatan Harapan government but could not be tabled as the Dr Mahathir Mohamad-led administration collapsed in February 2020.

The bill has since been developed by his successors, Muhyiddin Yassin and Ismail Sabri Yaakob.

The Social Work Profession Act will recognise the work of social workers and elevate their status to professionals.

## KERAJAAN KAJI PENGUBALAN AKTA WARGA EMAS

<https://sumberkini.my/kerajaan-kaji-penggubalan-akta-warga-emas/>

Sumber : Sumber Kini



PARLIMEN | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedang meneliti keperluan Akta Warga Emas.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata pengubalan akta ini dilihat positif dan bersifat holistik untuk melindungi warga emas daripada isu pengabaian.

“KPWKM telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memelihara kebajikan warga emas di negara ini dan kini sedang meneliti pengubalan Akta Warga Emas, itu yang terkini,” katanya dalam ucapan Penggulangan Belanjawan 2023 Peringkat Dasar di Parlimen, pada Khamis.

Beliau memberi respons kepada Ahli Parlimen Rantau Panjang, Datuk Siti Zailah Mohd Yusof yang bertanya sama ada kerajaan berhasrat mengenakan tindakan tegas kepada pihak yang mengabaikan ibu bapa dan kanak-kanak.

## TIGA BERADIK MAUT DALAM NAHAS DI LAHAD DATU

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiga-beradik-maut-dalam-nahas-di-lahad-datu-409920>

Sumber : Astro Awani



**LAHAD DATU:** Tiga beradik termasuk seorang kanak-kanak perempuan maut dalam nahas membabitkan tiga kenderaan di Jalan Tungku Kampung Bekapit, di sini pada malam Rabu.

Dalam kejadian kira-kira jam 7 malam itu, mangsa dikenali sebagai Ellaine Sappari, 4, kakak dan abangnya iaitu Isang, 39, serta Amil, 45, disahkan meninggal dunia di lokasi.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Lahad Datu, Sumsoa Rashid berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian itu pada jam 7.02 malam, seramai empat anggota dikejar ke lokasi kejadian yang terletak sejauh 34 kilometer dari balai.

Katanya, kemalangan membabitkan lapan mangsa dari tiga kenderaan iaitu motosikal jenis Honda Wave, dua pacuan empat roda jenis Mitsubishi Triton dan Isuzu D-Max.

"Dalam kejadian itu, tiga beradik yang menaiki motosikal disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian oleh pasukan perubatan.

"Sementara itu, lima lagi mangsa dari dua kenderaan tidak mengalami sebarang kecederaan," katanya ketika dihubungi Sinar Harian pada Khamis.

Sumsoa berkata, mayat mangsa diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya.

"Operasi kemudian ditamatkan pada jam 8.50 malam," katanya. - *Sinar Harian*

## PELINDUNG JKM KENDALI KANAK-KANAK DIBUANG

<https://harakahdaily.net/index.php/2023/03/09/pelindung-jkm-kendali-kanak-kanak-dibuang/>

Sumber : Harakah Daily



**KUALA LUMPUR:** Bagi kanak-kanak yang dijumpai dan telah disahkan tidak mempunyai waris, mereka adalah merupakan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan seperti mana Perenggan 17(1)(e) Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] iaitu tidak mempunyai ibu atau bapa atau penjaga atau telah dibuang oleh ibu atau bapa atau penjaganya.

Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kaedah penentuan identiti dan agama kanak-kanak itu ditentukan melalui Garis Panduan Mengenai Pengurusan Kanak-Kanak Yang Telah Dibuang Pindaan Tahun 2022 pada 8 September 2022.

“Garis panduan tersebut adalah sebagai panduan kepada pelindung Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam mengendalikan kanak-kanak yang telah dibuang,” ujarnya dalam jawapan bertulis kepada soalan **Dato’ Siti Zailah Mohd Yusoff [PN-Rantau Panjang]** di Dewan Rakyat, hari ini.

Siti Zailah dalam soalnya meminta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan status kaedah penentuan identiti dan agama anak-anak terdampar (Al-Laquit) yang dijumpai dan telah disahkan tidak menjumpai waris bagi kanak-kanak tersebut.

Kata kementerian itu, garis panduan itu juga adalah selaras dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Kali Ke-46 pada 22 April 1999. – **HARAKAHDAILY 9/3/2023**

## KEWUJUDAN ANTI PORNOGRAFI KANAK-KANAK | MHI (9 MAC 2023)

<https://www.youtube.com/watch?v=aM3Dp00GA0A>


Sumber : TV3 Malaysia



## LINDUNGI WANITA TERANIAYA, MANGSA KEGANASAN

<https://www.sinarharian.com.my/article/248977/suara-sinar/lidah-pengarang/lindungi-wanita-teraniaya-mangsa-keganasan>

Sumber : Sinar Harian



**STATISTIK** didedahkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman – sebanyak 30,346 kes keganasan rumah tangga direkodkan dalam tempoh lima tahun sejak 2018 bukanlah jumlah yang boleh dipandang ringan.

Angka itu membuktikan kes keganasan rumah tangga semakin menjadi-jadi. Trend peningkatan itu, antara lain mungkin kerana sesetengah wanita yang menjadi mangsa lambat mendapatkan bantuan atau membuat aduan.

Kebanyakan mangsa keganasan rumah tangga mahu berahsia dan menjaga aib pasangan, takut serta kasihan dengan nasib anak-anak.

Tidak dinafikan, pelbagai pihak telah berusaha melakukan yang terbaik bagi membantu golongan wanita teraniaya tetapi ia seolah-olah tidak memberi sebarang perubahan.

Di mana silapnya? Mungkin jika solusi kepada masalah itu diselesaikan dengan segera, peningkatan angka yang semakin bertambah dapat dikurangkan.

Ya, kita sebagai rakyat perlu akur dengan undang-undang yang telah ditetapkan tetapi undang-undang digubal oleh manusia masih boleh dipinda mengikut keadaan semasa.

Proses yang dilihat mengambil masa terlalu lama dan perlu mengikut pelbagai prosedur menjadikan mangsa keganasan rumah tangga berfikir banyak kali untuk membuat aduan atau membawa kes ke muka pengadilan.

Malah, penangguhan kes dan kelewatan menyelesaikan beberapa isu seperti perceraian serta tuntutan nafkah boleh mengakibatkan tekanan perasaan, menyebabkan wanita yang teraniaya menjadi marah, beremosi dan kecewa.

Lebih teruk lagi, penangguhan kes biasanya akan meningkatkan kos guaman yang sedia tinggi. Ada juga mangsa yang tidak tahu apa hak mereka dan bagaimana mendapatkan pembelaan sewajarnya daripada institusi perundangan.

Justeru, adalah diharapkan segala proses atau hal berkaitan undang-undang bagi membantu golongan wanita yang teraniaya dan menjadi mangsa keganasan rumah tangga dipermudahkan. Kurangkanlah kerenah birokrasi.

Pada masa sama pengumuman oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang meluluskan peruntukan sebanyak RM1 juta di bawah Tabung Kasih Rahmah bagi membantu golongan wanita yang memerlukan bantuan dalam keadaan terdesak termasuk mangsa keganasan rumah tangga.

Semoga peruntukan itu dapat memberi sinar harapan kepada golongan berkenaan.